

10/02/1997

## Memperkokuh ketahanan umat Islam

AIDILFITRI ialah hari kemenangan setelah selesai menjalani ujian berpuasa selama sebulan. Kita boleh berseronok meraikan kemenangan ini. Tetapi pada masa yang sama kita perlu insaf dan sedar terhadap gejala buruk yang sedang menyerang masyarakat Islam di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Menurut Perdana Menteri, dengan keinsafan dan kesedaran ini mungkin kita dapat berusaha menolong membanteras gejala buruk dan membina masyarakat Islam yang mulia. Kerajaan mempunyai fungsi dan tanggungjawab untuk melawan masalah sosial ini tetapi orang ramai, guru, media dan ibu bapa perlu membantu kerajaan. Janganlah sesiapa mempertahankan amalan buruk atas apa sebab sekalipun. Jika kita bertanggungjawab kita hendaklah mengakui bahawa ada sesuatu kepada kita yang menyebabkan kita lebih mudah ditewaskan oleh tekanan kehidupan. Ada sesuatu kelemahan pada diri umat Islam di negara ini yang menyebabkan kita lebih mudah terjebak dengan kegiatan yang tidak baik.

Dr Mahathir mengajak umat Islam mengenal pasti masalah ini dan punca kelemahan ketahanan diri kita dan bersama-sama mencari jalan menyelesaikannya. Isu gejala sosial yang menular di kalangan remaja bukanlah isu baru, malah sudah lama wujud. Penyalahgunaan dadah meruncing pada pertengahan 1980-an ketika negara mengharungi kelembapan ekonomi. Kemudian kita turut menghadapi masalah penyakit AIDS dan pembawa HIV disebabkan seks rambang dan penyalahgunaan dadah. Beberapa tahun lalu kita dikejutkan dengan isu belia berpeleseran, bohsia dan bohjan.

Selepas itu kes buang bayi dan kes dera anak. Bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini masalah sosial di kalangan remaja terutama semakin menular. Semua kaum terdedah kepada gejala yang sama. Tetapi sama ada kita akui atau tidak umum mengetahui bahawa kita yang beragama Islam lebih banyak terbabit dengan kegiatan yang bukan saja buruk dalam pandangan umum tetapi bertentangan dengan ajaran Islam. Umat Islam lebih banyak terbabit dalam gejala sosial daripada bukan Islam.

Mengikut telahan Dr Mahathir, dalam menangani masalah yang dalam masyarakat Islam, kita lebih mengutamakan rupa bentuk Islam daripada amalan ajaran yang sebenar. Kita tentu tahu bahawa rupa dalam Islam tidak sepenting pegangan kepada suruhan dan larangan yang menjadi sebahagian daripada ajaran Islam. Dalam usaha ke arah menukar sikap dan menganjak paradigma umat Islam supaya tidak terlalu mengutamakan rupa bentuk Islam, tindakan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Penyakit Sosial untuk merombak pengajian agama, khutbah, kelas fardu ain dan ceramah memang wajar. Kita perlu mengubah persepsi dan penerimaan masyarakat kepada faktor luaran Islam. Menghayati ajaran Islam sebenar tidak sekadar memaparkan lambang. Apatah lagi jika cara ini yang cuba ditonjolkan, iaitu dengan menggunakan nama Islam termasuk pada parti atau pada pelekat yang ditampal di merata tempat seperti di kereta. Selain itu, berjubah, berserban dan berjanggut. Islam juga tidak boleh disempitkan kepada penghafalan doa dan cara beribadat saja.

Islam ialah cara hidup, iaitu mencakup keseluruhan kehidupan baik dari segi kefahaman agama, ekonomi, sahsiah, politik, sosial dan keilmuan. Islam sebagai addin perlu dilihat dalam ruang lingkup yang lebih menyeluruh. Oleh itu, pendidikan Islam perlu lebih bersifat mendidik dan bukan sekadar mengajar ilmu. Dr Mahathir berkata, jika kita pegang betul-betul kepada ajaran Islam sudah tentu ketahanan kita terhadap hasutan syaitan akan lebih kuat dan berkesan. Tetapi oleh kerana pegangan kita

terhad kepada rupa bentuk dan tidak mendalam kita mudah ditewaskan oleh nafsu kita apabila berhadapan dengan godaan syaitan. Perdana Menteri berkata, tidak bertentangan dengan agama umat Islam meniru dedikasi kepada pelajaran dan kerja yang ditunjukkan oleh rakyat bukan Islam. Kita ambil yang baik dan buang yang buruk.

Sayugia semua lapisan masyarakat menyedari kemelut yang ditimbulkan oleh Dr Mahathir. Ramai cendekiawan, ulama dan tokoh masyarakat telah mengutarakan pelbagai cara dan kaedah untuk menangani masalah keruntuhan akhlak di kalangan umat Islam. Kita berharap pelbagai formula yang ditimbulkan adalah langkah praktikal yang sesuai dilaksanakan dan bukan sekadar hipotesis malah ia juga bukan sekadar latihan intelektualisme yang tidak menyumbang kepada pembentukan masyarakat Islam yang sempurna. Kita tidak harus lupa terhadap tanggungjawab kita melawan keruntuhan akhlak dalam masyarakat ketika kita merayakan Aidilfitri.

(END)